

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TAN SRI DATO' SERI KHALID BIN
IBRAHIM**
KAWASAN : **BANDAR TUN RAZAK**
TARIKH : **2.11.2016 (Rabu)**
NO. SOALAN : **45**

SOALAN

YB TAN SRI DATO' SERI KHALID BIN IBRAHIM minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan semua usaha, masa dan nilai perbelanjaan yang telah dibuat sejak mula dalam proses pelaksanaan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) dan perancangan lain demi menjamin kesinambungan perdagangan dan pelaburan antarabangsa Malaysia memandangkan TPPA dijangka gagal selepas pilihan raya Presiden Amerika Syarikat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Rundingan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) yang melibatkan 12 negara termasuk Malaysia telah mengambil masa selama lima (5) tahun dari 2010 sehingga Oktober 2015. Perjanjian tersebut seterusnya telah ditandatangani pada 4 Februari 2016.

2. Perjanjian yang komprehensif ini mengandungi 30 bab dan tidak kurang daripada 15 Kementerian dan agensi Kerajaan telah terlibat dalam proses rundingan bagi memastikan kepentingan negara serta dasar-dasar utama Kerajaan terpelihara. Pasukan perunding Malaysia terdiri daripada para pegawai Kerajaan di pelbagai peringkat yang merupakan pakar dalam bidang masing-masing.

3. Mengikut rekod Kementerian ini, kira-kira RM15 juta telah dibelanjakan oleh pihak Kerajaan dalam proses rundingan TPPA sepanjang tempoh 2010 hingga 2015. Sebahagian besar perbelanjaan tersebut melibatkan kos logistik seperti tiket penerbangan dan penginapan. Perbelanjaan ini dilaksanakan secara berhemah, dengan mengambilkira peruntukan tahunan yang diberi kepada Kementerian-kementerian berkenaan dalam belanjawan tahunan.

4. Berdasarkan persefahaman sedia ada di antara negara-negara ahli, TPPA dijangka akan berkuatkuasa pada tahun 2018 (iaitu dalam tempoh 24 bulan dari tarikh perjanjian tersebut ditandatangani), sekiranya semua proses ratifikasi perjanjian oleh 12 negara anggotanya berjalan dengan lancar. Sekiranya ini tidak tercapai, perjanjian TPPA masih tetap akan berkuatkuasa apabila sekurang-kurangnya enam (6) negara yang menyumbang 85% daripada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara-negara TPPA berjaya meratifikasikan perjanjian tersebut.

5. Memandangkan perjanjian ini amat komprehensif dan menarik perhatian banyak pihak, pihak Kerajaan telah berusaha untuk memberi penjelasan kepada semua pihak berkepentingan dan masyarakat umum

mengenai kandungan perjanjian TPP. Golongan-golongan yang telah ditemui termasuklah ahli-ahli parlimen, pemimpin-pemimpin masyarakat, pelajar-pelajar dan tenaga pengajar pusat pengajian tinggi, belia, penjawat awam, persatuan-persatuan perniagaan dan pertubuhan bukan kerajaan. MITI sendiri terlibat dalam lebih dari 300 sesi penerangan mengenai TPPA sejak 2013 sehingga kini.

6. Selain itu, program *outreach* dan bina kapasiti oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan turut dipertingkatkan bagi memastikan kesediaan syarikat-syarikat Malaysia terutamanya di kalangan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tempatan apabila TPPA dilaksanakan kelak. Bagi tujuan yang sama, satu Jawatankuasa Kebangsaan juga telah ditubuhkan untuk memantau kemajuan kerja persiapan serta program bina upaya yang dilaksanakan di semua peringkat.

7. Usaha kini sedang ditumpukan oleh pihak Kerajaan bagi melaksanakan langkah-langkah domestik untuk memenuhi obligasi Malaysia di bawah TPPA dimana sebanyak 18 undang-undang perlu dipinda terutamanya berkaitan bab buruh, hak harta intelek dan pentadbiran kastam. Proses ini dijangka akan dapat dimuktamadkan pada pertengahan tahun 2017.

Tuan Yang Dipertua,

8. Seperti negara-negara TPP yang lain, Amerika Syarikat bertanggungjawab untuk memastikan ratifikasi TPPA dapat dilaksanakan pada tahun ini, walaupun pilihan raya Presidennya akan diadakan tidak

lama lagi pada bulan November 2016. Malah Kerajaan Amerika Syarikat bercadang untuk membentangkan TPPA untuk kelulusan Kongres sewaktu sesi *lame duck* selepas pilihan raya pemilihan Presiden Amerika Syarikat.

9. Bagi tujuan tersebut, Wakil Perdagangan Amerika Syarikat (USTR) perlu memaklum dan menyakinkan Kongres akan usaha dan tindakan yang sedang dilaksanakan oleh negara-negara TPP lain untuk memenuhi obligasi mereka di bawah TPPA. Selain itu, pihak USTR juga telah melawat Malaysia dan negara-negara TPP yang lain beberapa kali sejak TPPA ditandatangani untuk mengadakan perbincangan mengenai isu yang sama.

Tuan Yang Dipertua,

10. Sebagai sebuah negara yang bergantung kepada perdagangan dan pelaburan global, Malaysia turut terlibat dalam pelbagai rundingan FTA yang lain seperti *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) dan *Malaysia-European Free Trade Association Economic Partnership Agreement* (MEEPA). Malaysia juga telahpun mengadakan perbincangan awal dengan pihak Kesatuan Eropah tentang kemungkinan menyambung semula rundingan *Malaysia-European Union Free Trade Agreement* (MEUFTA) pada akhir tahun ini. Kesemua-semua usaha-usaha ini bertujuan memastikan akses pasaran yang bakal disediakan kepada produk dan perkhidmatan Malaysia ke pasaran global terjamin.